

Tun M umum tidak bertanding PRU-15

Ahli Parlimen Langkawi pilih beri laluan kepada calon muka baharu

Oleh Hamzah Osman
bhnews @bh.com.my

Langkawi: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mengulangi pendiriannya untuk tidak bertanding dalam Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15) akan datang, berikutan faktor usia dan tahap kesihatannya yang belum pulih.

Ahli Parlimen Langkawi itu berkata, beliau memilih untuk memberi laluan kepada calon muka baharu dan lebih muda supaya individu berkenaan dapat berkhidmat lebih cemerlang kepada rakyat.

"Saya ingat bagi peluang pada

calon lain dan pastinya nak cari orang yang lebih muda daripada saya (bertanding di kerusi Parlimen Langkawi).

"Mengenai calon, setakat ini kita belum kenal pasti," katanya pada sidang media selepas meninjau kebun sayur Lang Agro di Kampung Ulu Melaka di sini, semalam.


Dr Mahathir yang juga Pengerusi Parti Pejuang Tanah Air (PEJUANG) berkata, walaupun tidak bertanding, beliau sedia untuk turut berkempen membantu calon mewakili parti itu pada PRU-15.

"Saya boleh ada bersama dan bagi nasihat, malah boleh ambil bahagian dalam kempen pun (ketika PRU-15).

"Mana-mana kawasan yang perlu, saya akan hadir (berkempen) dan bercakap sikit (kepada pengundi)," katanya.

Mengulas perkembangan Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor, beliau berkata, pilihan raya diadakan itu menjadi sia-sia jika kerajaan lama kembali berkuasa.

"Saya ingat bagi peluang pada calon lain dan pastinya nak cari orang yang lebih muda daripada saya"



Dr Mahathir Mohamad,
Ahli Parlimen,
Langkawi

"Kalau orang lama daripada parti yang ternyata gagal memerintah Johor dipilih semula, sia-sia sahaja PRN diadakan," katanya.

"Sepatutnya bila diadakan PRN sebelum berakhir penggal, kita mesti tukar kerajaan kepada (parti) yang mampu memberi pentadbiran lebih baik," katanya.